

Muqarnas diangkat tema Konvokesyen ke-13 USIM

SEREMBAN 1 Nov. - Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 7 November ini memilih untuk mengangkat konsep *Muqarnas* sebagai tema reka bentuk konvokesyen kali ini.

Menurut kenyataan USIM, setiap tahun, konsep reka bentuk majlis konvokesyen USIM dipelbagaikan mengikut tema tersendiri yang berkaitan dengan Islam dan antara yang pernah diangkat ialah lebah, minyak zaitun, makanan sunnah dan burung hud-hud.

"Konsep *Muqarnas* ini diterjemahkan dalam reka bentuk buku konvokesyen, hiasan pentas utama graduan, kad jemputan dan lain-lain," kata kenyataan itu di sini hari ini.

"*Muqarnas* merupakan elemen dekorasi tiga dimensi pada bahagian dalam kubah bangunan, yang diinspirasi oleh komposisi geometri sarang lebah dan perkataan *Muqarnas* berasal daripada bahasa Arab, yang bererti kubah stalaktit.

Tambah kenyataan tersebut, konsep itu dipilih sebagai manifestasi penghargaan dan meraikan 10 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian.

"Ijazah ini ditawarkan di Fakulti



Sains dan Teknologi dan menerima pelajar pertamanya pada sesi ke-13 memasuki akademik 2012/2013.

"*Muqarnas* iaitu salah sebuah binaan yang paling asli dalam seni bina Islam, tanpa merujuk kepada mana-mana ketamadunan sebelumnya, malah pengkaji seni bina Islam menjangkakan *Muqarnas* berasal dari Baghdad, berdasarkan beberapa kubah bercirikan *Muqarnas* yang ditemui seawal tahun 879 Hijrah (1468)," ujar kenyataan tersebut.

Jelas kenyataan itu lagi, dari sudut pandangan seni bina, *Muqarnas* bukanlah sekadar elemen dekorasi semata-mata, malah teksur tiga dimensi yang dimilikinya, membuatkan *Muqarnas* memantulkan dan menyerakkan cahaya yang masuk dari luar, ke ruang yang berada di bawahnya.

"Dengan demikian, ruang mendapatkan penerangan 'difus' yang rata dan tidak menyilaukan. *Muqarnas* juga berfungsi sebagai elemen akustik bagi ruang di bawahnya di



WAJAH muka hadapan buku **Konvokesyen Ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia** berkonsepkan ***Muqarnas***.

mana relung-relung yang terdapat pada *Muqarnas* berfungsi sebagai alat penyerapan dan refleksi 'difus' suara.

"Dalam menyelidiki makna, perulangan reka bentuk yang mengalir seolah tanpa akhir dalam *Muqarnas* itu merupakan gam-

baran konsep keyakinan manusia akan kekuasaan Allah SWT yang tiada batasan.

"Pola perulangan dan berterusan dalam seni dekorasi Islam, sebahagian besar dijiwai oleh kesedaran makhluk akan kebesaran dan kekuatan Allah SWT yang tanpa batas," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, menjelang Majlis Konvokesyen USIM yang bermula pada Sabtu ini, persiapan akhir giat dijalankan terutama di Dewan Tuanku Canselor.

"Selari dengan penambahan graduan saban tahun, konvokesyen pada tahun ini dibahagikan kepada lima sidang berbanding empat sidang pada tahun-tahun sebelumnya.

"Bagi memastikan konvokesyen kali ini berjalan lancar, pihak Jawatankuasa Induk telah mengaturkan dua sesi raptai utama iaitu raptai pentadbiran pada 4 November dan raptai perdana yang melibatkan keseluruhan graduan dan pengurusan universiti pada keesokan harinya," jelas kenyataan tersebut.

Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud akan berangkat mencemarakan merasmikan Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM pada Sabtu ini.